AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

KKM jamin penjimatan tak jejas perkhidmatan

Ipoh: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi jaminan langkah penjimatan dalaman oleh kerajaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, ini kerana langkah penjimatan yang akan dilaksanakan Kementerian hanya membabitkan perkara yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan seperti protokol, majlis jamuan dan baju.

"Saya memberi jaminan bahawa Pekeliling Perbendaharaan ini (langkah penjimatan dalaman) tidak menjejaskan perkhidmatan kesihatan dan juga ubat-ubatan.

"Penjimatan tidak akan untuk perkhidmatan kesihatan, ubat-ubatan dan sebagainya kita tidak akan kurangkan.

Khairy Jamaluddin

"Kita akan potong (jimat) perkara yang tidak membabitkan perkhidmatan kesihatan seperti protokol, majlis jamuan, baju.

"Macam majlis buatlah di kemudahan sendiri tak payah sewa hotel, tidak perlu katering mewah, itu yang kita jimatkan," katanya selepas melancarkan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Peringkat Negeri Perak di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini semalam.

Khairy berkata, setiap peringkat KKM sudah diarahkan melakukan penjimatan susulan arahan pekeliling dari Kementerian Kewangan itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tahap imuniti turun antara punca kes naik

Penjarakan fizikal, pakai pelitup muka perlu dipantau berterusan

Oleh Suraya Roslan
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tahap imuniti sama ada secara semula jadi atau daripada vaksin berkemungkinan sudah menurun antara penyebab angka kes harian baharu COVID-19 setakat kelmarin mencecah 5,230, tertinggi sepanjang tempoh seminggu.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, selain itu peningkatan kes juga disebabkan akibat mutasi virus asal.

"Pemantauan prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal dilihat semakin kurang diamalkan.

"Perkara ini memerlukan pemantauan yang berterusan dan sekiranya bergejala, lakukan ujian COVID-19 dan kuarantin kendiri," katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, peningkatan kes didorong oleh pelbagai faktor antaranya pembukaan semula sempadan, pengurangan SOP, pembukaan semula tempat kerja dan sekolah seperti biasa yang menyebabkan peningkatan jangkitan dan infeksi baru terjadi.

Dr Zainal Ariffin Omar

"Bagaimanapun, Malaysia adalah terlindung kerana vaksin populasi tinggi dan imuniti jangkitan natural juga baik.

"Penurunan kesan vaksin apabila antibodi menurun mungkin berlaku, maka untuk rakyat rentan seperti warga emas, kanak-kanak dan mereka yang tinggi komorbiditi perlu mengambil suntikan penggalak (booster) kedua," katanya.

Menurutnya, jangkitan yang semakin banyak terdiri daripada kes ringan kategori satu dan dua serta hanya beberapa saja kategori teruk dan kematian.

"Ini tidak akan seteruk gelombang pertama dan kedua yang pernah berlaku pada 2020 dan 2021 lalu.

Risiko jangkitan masih ada

"Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati akan kemunculan subvarian baharu terutama jenis VOC dan tidak mengambil mudah kerana risiko jangkitan masih ada," katanya.

Katanya, pemakaian pelitup muka, sanitasi masih perlu diteruskan untuk menurunkan risiko jangkitan.

"Jangkitan baru dijangka lebih berjangkit, tetapi tidak semestinya makin *virulens* (makin parah) dari yang sedia ada.

"Malah, beberapa pakar luar negara berpendapat semakin endemik virus ini akan lebih mudah merebak dan hanya mengakibatkan gejala ringan melainkan beberapa golongan rentan yang perlu vaksin penggalak sekali lagi," katanya.

Laman COVIDNOW melaporkan selepas tiga bulan, Malaysia kembali merekodkan pertambahan kes baharu lebih 5,000 iaitu 5,230 setakat kelmarin.



Kali terakhir negara merekodkan kes lebih 5,000 ialah pada 28 April lalu iaitu sebanyak 5,624 kes.

Pertambahan kes itu menjadikan sehingga kini jumlah kumulatif COVID-19 di negara ini meningkat kepada 4,613,998 kes sejak penularan wabak berkenaan di negara ini.

Kes baharu membabitkan 5,219 penularan tempatan dengan 11 import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Sehingga kini terdapat sejumlah 41,208 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini.

Daripada jumlah itu, 96.7 peratus atau 39,703 kes sedang menjalani kuarantin di rumah.

Selain itu, 1,411 kes atau 3.4 peratus pula sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (30), unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (20) dan ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (40).

Dalam pada itu turut dilaporkan adalah sejumlah lapan kes kematian dicatatkan semalam sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini meningkat kepada 35,844 kes. Kes kematian yang dilaporkan itu termasuk satu kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Data turut menunjukkan sebanyak 2,927 kes sembuh dilaporkan.

Ia menjadikan sehingga kini 4,536,946 kes pulih sepenuhnya daripada jangkitan berkenaan.

Keupayaan fasiliti kesihatan masih terkawal

Kuala Lumpur: Situasi semasa COVID-19 dalam negara setakat ini masih terkawal dengan fasiliti kesihatan dilaporkan tidak terjejas walaupun angka kes baharu terus melonjak.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata berdasarkan laporan data terkini dibentangkan kepada MPN, keupayaan bagi menguruskan kes COVID-19 masih lancar.

"Saya yakin keadaan terkawal, walaupun ada petanda peningkatan (kes). Tetapi keadaan logistik seperti katil hospital atau keupayaan mengurus, setakat hari ini tak menjadi masalah.

"Saya fikir dua tahun yang berlalu (sebelum ini), mereka cukup banyak pengalaman dalam menguruskannya," katanya selepas merasmikan program *Blood Donation Drive* di Centre Court, Mid Valley, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Tan Sri Muhyiddin Charity Golf (TSMCG), Datuk Ir Zainuddin Mohd Radzidan Pengarah Pusat Darah Negara, Dr Afifah Hassan

Muhyiddin berkata, MPN akan terus memantau keadaan kes semasa mengambil kira ia adalah agenda tetap dalam majlis yang dipengerusikannya itu.

Katanya, MPN juga akan bermesyuarat pada hujung bulan ini bagi mendapatkan laporan terkini kes COVID-19.

"Pada 26 Julai ini ada mesyuarat (MPN), ada agenda yang saya belum dapat kepastian lagi.

"Urus setia akan ambil kira apa yang terkini yang perlu kita teliti dan kita juga akan mendapatkan maklum balas daripada agensi dan kementerian, selain pandangan pakar yang ada dalam MPN," katanya yang memberitahu Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin akan membentangkan laporan dan situasi terkini COVID-19 dalam mesyuarat berkenaan.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, MPN juga sedang merangka Pelan Pemulihan Negara 2.0.

Katanya, antara agenda penting adalah membincangkan langkah seterusnya yang boleh diajukan kepada Kabinet dan kerajaan dalam usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Muhyiddin diiringi Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kempen Derma Darah, Datuk Mohammad Maidon (tengah) dan Dr Afifah pada program 'Blood Donation Drive' di Centre Court Mid Valley, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

MMA tinjau situasi kekurangan bekalan

Putrajaya: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sedang menjalankan tinjauan bagi mengenal pasti situasi sebenar kekurangan ubat-ubatan yang berlaku di klinik swasta dan farmasi.

Presiden MMA, Dr Koh Kar Chai berkata pihaknya meminta hospital swasta atau pengamal perubatan (GP) yang mengalami masalah kekurangan ubat berhubung dengan Klinik Kesihatan berhampiran sekiranya mengalami kesukaran mendapatkan bekalan untuk merawat pesakit mereka.

"MMA menghargai langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk meminjamkan ubat-ubatan tertentu yang mendapat permintaan tinggi.

Tawaran KKM untuk menggunakan ubat daripada simpanan mereka kepada fasiliti kesihatan swasta adalah dialu-alukan dan sangat dihargai.

"KKM dan Pharmaniaga akan meneliti daripada segi logistik bagi memastikan tiada sebarang gangguan berlaku ketika proses berkenaan.

"Bagi melancarkan proses berkenaan, MMA sedang menjalankan tinjauan untuk mengenal pasti kekurangan sebenar yang dihadapi," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan KKM akan melepaskan stok penimbal ubat-ubatan kepada klinik dan hospital swasta untuk menangani isu kekurangan bekalan di fasiliti kesihatan berkenaan.

Dalam pada itu, Kar Chai turut menasihatkan orang ramai yang masih belum mendapatkan suntikan dos penggalak COVID-19 untuk mengambilnya bagi mencegah penularan.

"Jika anda berumur 60 tahun ke atas dan sudah menerima penggalak pertama, anda dinasihatkan untuk mengambil dos kedua penggalak bagi meningkatkan perlindungan terhadap COVID-19 yang teruk.

"Dengan kes COVID-19 yang semakin meningkat sekarang, orang ramai diingatkan untuk memastikan memakai pelitup muka serta mematuhi langkah kebersihan yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Langkah itu akan membantu mengurangkan peningkatan kes Penyakit Seperti Influenza (ILI), COVID-19 dan Influenza A.

"Ia sekaligus mengekang berlakunya kesesakan di fasiliti kesihatan dan memastikan mereka yang perlu dirawat mendapat perubatan yang sewajarnya," katanya.

Masalah kekurangan ubat

Hospital swasta sambut baik agihan stok penimbal ubat-ubatan

Kuala Lumpur: Hospital swasta menerima jumlah pesakit yang tinggi sehingga menimbulkan masalah kekurangan ubat.

Jumlah kemasukan ke fasiliti kesihatan itu semakin meningkat termasuk kes saluran pernafasan.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata masalah kekurangan ubat itu termasuk untuk merawat kes saluran pernafasan yang tutut merekodkan kemasukan pesakit yang ramai.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya mengalu-alukan keputusan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin untuk melepaskan stok penimbal ubat-ubatan Kementerian Kesihatan (KKM) kepada klinik dan hospital swasta yang menghadapi masalah bekalan.

Katanya, APHM akan berbincang dengan Pharmaniaga Bhd berhubung mekanisma untuk mendapatkan ubat-ubatan berkenaan daripada stok penimbal kerajaan, dalam masa terdekat.

"Hospital swasta di seluruh negara kini dipenuhi oleh pesakit sejak dua bulan lalu bagi mendapatkan rawatan untuk pelbagai penyakit antaranya influenza dan prosedur pembedahan.

"Perkara ini adalah fenomena luar biasa bagi hospital swasta, namun ia mungkin disebabkan oleh pendedahan secara tiba-tiba kepada aktiviti sosial terutamanya selepas menjalani tempoh berkurung selama dua tahun (PKP)," katanya dalam kenyataan semalam.

Bagaimanapun, Dr Kuljit, berkata jumlah pesakit COVID-19 di hospital swasta masih rendah berbanding 2021.

Semalam, KKM mengumumkan akan melepaskan stok penimbal ubat-ubatan kepada klinik dan hospital swasta untuk menangani isu kekurangan bekalan di fasiliti kesihatan berkenaan.

> "Perkara ini adalah fenomena luar biasa bagi hospital swasta, namun ia mungkin disebabkan oleh pendedahan secara tiba-tiba kepada aktiviti sosial terutamanya selepas menjalani tempoh berkurung dua tahun (PKP)"

Dr Kuljit Singh, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia

Tunggu pengeluaran stabil

Langkah itu sementara menunggu pengeluaran lebih stabil dari kilang ubat-ubatan dalam tempoh dua bulan lagi.

Sementara itu, Dr Kuljit, berkata hospital swasta berdepan masalah kekurangan tenaga kerja untuk membuka lebih banyak perkhidmatan bagi memenuhi permintaan.

"Salah satu kekangan yang dihadapi oleh hospital swasta dan kerajaan adalah untuk mendapatkan jururawat terlatih yang berpengalaman.

"APHM akan berusaha sedaya upaya bekerjasama dengan pengawal selia bagi membantu hospital swasta dapatkan jururawat asing dengan menghapuskan birokrasi sedia ada," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Aplikasi MySejahtera berwajah baharu

PETALING JAYA – MySejahtera kini berwajah baharu dengan beberapa ciri terkini yang dapat membantu memantau dan melihat maklumat kesihatan.

Perkara itu diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi Twitter semalam.

"MySejahtera kini berwajah baharu dengan ciri-ciri baharu yang dapat membantu kita pantau dan lihat maklumat kesihatan.

"Rekod saringan kesihatan dan rekod imunisasi anak juga boleh dilihat di MySejahtera. Kemas kini aplikasi anda mulai semalam untuk mendapatkan ciri-ciri baharu ini," ciapnya di Twitter semalam.

Turut akan diperkenalkan menerusi kemas kini terbaharu ialah rekod pendermaan darah dan buku pemeriksaan kehamilan atau buku 'pink' secara digital.

MySejahtera sebelum ini digunakan untuk memantau aplikasi kesihatan dan maklumat imunisasi Covid-19 diri dan anak-anak dalam tanggungan sahaja.



APLIKASI MySejahtera berwajah baharu dengan beberapa ciri diperkenalkan untuk membantu orang ramai memantau maklumat kesihatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Ubat parasetamol masih sukar diperoleh

SHAH ALAM - Selepas beberapa bulan kekurangan bekalan ubat parasetamol di pasaran, tinjauan *Sinar Ahad* di beberapa farmasi di sini mendapati ubat tersebut masih sukar diperoleh.

Ubat itu mendapat permintaan tinggi kerana sering digunakan bagi melegakan demam dan sakit kepala dipercayai berpunca daripada peningkatan kes penyakit seperti Influenza-Like-Illness (ILI) ketika ini.

Seorang pekerja farmasi yang mahu dikenali sebagai Norliza berkata, selain wabak Covid-19, orang ramai kini mulai bimbang dengan penularan influenza yang telah banyak dikesan di beberapa negeri.

Justeru katanya, mereka mula membeli parasetamol sebagai persediaan mengurangkan kesan sampingan seperti demam, selesema, batuk dan sakit tekak.

"Isu kekurangan bekalan parasetamol di fasiliti kesihatan termasuk farmasi juga berlaku disebabkan permintaan yang lebih tinggi berbanding penawaran.

"Jadi, mungkin bekalan sedia ada tidak cukup untuk menampung permintaan orang ramai yang ingin mendapatkan ubat parasetamol ketika ini," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Sementara itu, pegawai farmasi yang ingin dikenali sebagai Haleeza pula berkata, selain parasetamol, bekalan ubat sakit tekak dan ubat batuk di premisnya juga ada kalanya mengalami masalah kekurangan bekalan.

"Sekarang musim influenza, jadi memang ramai yang terkena jangkitan akan mencari ubat-ubatan untuk melegakan kesakitan dialami.

"Apabila banyak ubat habis dan bekalan lambat sampai, ramai yang merungut kepada kami, tetapi kami pun tidak tahu mengapa pembekal sukar hantar stok awal," luahnya.

Seorang pekerja farmasi menunjukkan bekalan ubat parasetamol yang sudah kehabisan.

53% rakyat Malaysia tidak saring kesihatan

Jumlah itu menggambarkan kesedaran terhadap saringan kesihatan dalam kalangan rakyat masih rendah

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
IPOH

Khairy (kiri) bertemu dengan pengunjung pada sesi *walkabout* selepas pelancaran Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat peringkat negeri dan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan di Ipoh pada Sabtu.

Kementerian Kesihatan menganggarkan kira-kira 53 peratus rakyat Malaysia dewasa tidak menjalani saringan kesihatan dalam tempoh setahun yang lepas.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jumlah tersebut menggambarkan kesedaran terhadap saringan kesihatan dalam kalangan rakyat masih rendah.

Menurutnya, inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) dilaksanakan sebagai usaha menggalakkan rakyat terutama berusia 40 tahun dan ke atas menjalani saringan secara berkala.

"Menerusi inisiatif ini, kita menyasarkan 1.5 juta rakyat yang berusia 40 tahun ke atas dan yang belum pernah melakukan saringan untuk mereka melakukannya sebelum akhir tahun ini.

"Dengan program saringan kesihatan antara lain melalui kementerian dan ProtectHealth menerusi Skim Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40), kita menawarkan saringan kesihatan yang komprehensif secara percuma.

"Saya yakin dengan inisiatif ini, kita akan dapat kenal pasti lebih ramai lagi memerlukan rawatan seperti pra kencing manis. Kita akan dapat mengurangkan dan mengawal bilangan rakyat menghidap penyakit," katanya di sini pada Sabtu.

Khairy berkata, klinik-klinik swasta diminta untuk terlibat sama melaksanakan program turun padang ke kampung-kampung dan kawasan pedalaman.

"Kita tidak mahu rakyat susah payah datang untuk dapatkan saringan kesihatan.

"Antara inisiatif adalah program di kawasan tumpuan ramai selain penglibatan klinik swasta untuk buat program *outreach* di pedalaman," ujarnya.

Sementara itu, Khairy memaklumkan rekod imunisasi kanak-kanak dan kesihatan kini boleh diakses di telefon bimbit menerusi aplikasi MySejahtera.

Menurutnya, ciri terbaru itu merupakan langkah awal kementerian untuk MySejahtera digunakan sebagai pendigitalan maklumat kesihatan yang sebelum ini disimpan secara manual.

"Dengan adanya kemas kini terbaru itu, buat kali pertama rakyat Malaysia boleh menyimpan rekod kesihatan peribadi mereka secara digital dalam MySejahtera bermula hari ini (Sabtu).

"Sekarang ini tidak perlu lagi buku imunisasi. Sijil vaksinasi kanak-kanak di bawah Program Imunisasi Kebangsaan akan disimpan secara digital dalam MySejahtera boleh dibawa ke mana-mana sahaja sebagai bukti vaksinasi," katanya.

Menurutnya, ciri baharu untuk rekod imunisasi bayi bermula dengan kelahiran pada 1 Julai 2022 juga kini boleh didapati dalam aplikasi tersebut.

Mengulas kemungkinan data dicerobohi, Khairy menegaskan bahawa ciri-ciri keselamatan aplikasi itu sentiasa dipertingkatkan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Vape bukan cara atasi ketagih rokok

Meskipun ada pihak menyifatkan vape dapat bantu perokok berhenti merokok, tetapi kajian saintifik menunjukkan sebaliknya

FOTO: MOHD RAFEQ REDZUAN HAMZAH

Dari kiri, Ismail; Muhammad Aqil Mirza; Murallitharan dan Noraryana ketika Wacana *Sinar Harian* Edisi ke-356 yang berlangsung di Kompleks Karangkraf, Shah Alam pada Jumaat.

Oleh **NUR IFTITAH ROZLAN**
SHAH ALAM

Amalan menghisap rokok elektronik atau vape bukan kaedah terbaik untuk mengatasi ketagihan merokok, kata Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr Murallitharan M.

Beliau berkata, meskipun ada pihak yang menyifatkan vape dapat membantu perokok berhenti merokok, tetapi kajian saintifik menunjukkan sebaliknya.

"Mereka (perokok) ini akan terus mengambil nikotin. Kita sebenarnya tidak mahu kesedapan nikotin terus menghantui hidup mereka.

"Kita nak mereka bebas daripada sebarang bentuk ketagihan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa program Wacana *Sinar Harian* Edisi ke-356 bertajuk 'Akta Tembakau, Apa Kata Anak Muda' yang disiarkan di platform *Sinar Harian* pada Jumaat.

Turut menjadi panelis, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Noraryana Hassan dan Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 21/22 Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Muhammad Aqil Mirza Mohd Shafiee manakala Ismail Adnan selaku moderator.

Program yang bersiaran dari Studio Karangkraf itu turut disaksikan seramai 20 pelajar Uniten dan 10 pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

Murallitharan turut mencadangkan agar kerajaan memberikan bantuan subsidi terhadap bahan atau perkhidmatan yang digunakan untuk membantu perokok berhenti merokok.

"Misalnya jika golongan remaja atau dewasa daftar pada klinik berhenti merokok atau membeli gula-gula getah nikotin (terapi gantian nikotin untuk berhenti merokok), mereka mungkin patut dapat pelepasan cukai.

"Inilah cara kerajaan boleh mendorong generasi yang sudah merokok untuk lepas daripada masalah atau penyakit ketagihan nikotin," jelasnya.

Bilangan perokok baharu lebih tinggi berbanding angka kematian

SHAH ALAM - Bilangan perokok baharu terutamanya dalam kalangan generasi muda menunjukkan peningkatan lebih tinggi berbanding angka kematian akibat menghisap rokok.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Noraryana Hassan berkata, penggunaan tembakau dalam kalangan rakyat Malaysia tidak mencatatkan penurunan, sebaliknya kekal sekitar 20 peratus sejak tahun 1986 hingga 2019.

"Kita tidak nampak penurunan trend (penggunaan tembakau). Secara saintifiknya, kita tahu orang yang merokok mempunyai komplikasi penyakit misalnya, kanser.

"Jangka hayat (perokok) adalah kurang daripada mereka yang tidak merokok, tetapi kenapa trend ini tidak menurun?

"Ini kerana daripada Tinjauan Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan (NHMS) pada 2019, perokok baharu bertambah dan menggantikan peratusan perokok 'senior' yang telah pergi (meninggal dunia).

NORARYANA

"Jadi kita nekad bahawa amalan (merokok) ini tidak boleh berterusan. Kita perlu buat satu polisi yang benar-benar serius untuk tangani masalah rokok dalam kalangan generasi muda akan datang," katanya.

Dr Noraryana berkata, rokok elektronik atau vape mula membanjiri Malaysia pada 2015 di mana tinjauan NHMS pada tahun berikutnya mendapati sebanyak 3.2 peratus rakyat Malaysia yang menghisap vape.

"Tetapi kini jumlahnya meningkat kepada 4.9 peratus, dulu kira-kira 600,000 individu yang menghisap vape, sekarang meningkat kepada 1.2 juta, berganda (peningkatan)," ujarnya.

Jelas beliau, ketagihan rokok elektronik berisiko memberikan kesan jangka panjang terhadap kesihatan perokok.

"Kita dah mula kesan sejenis penyakit evali (penyakit berkaitan paru-paru akibat vape). Ini yang kita bimbang dengan penemuan penyakit terkini yang menyebabkan kerosakan pada dinding paru-paru.

"Bayangkan anak-anak muda yang mempunyai paru-paru yang sihat, tetapi dicemari dengan bahan kimia yang boleh menyebabkan radang paru-paru dan sukar untuk bernafas.

"Kita memang sudah ada kes di Malaysia. Kita juga sudah mula buat pemakluman kepada KKM jika adanya berlaku kes evali," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : SINAR PLUS

FOTO: MUHAMMAD ASYRAF ABDUL SHUKOR

'Segala fakta yang dikemukakan mesti sahih'

Pakar Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Muhammad Asyraf Ismail menasihatkan usahawan produk di luar supaya berhati-hati dan dapatkan kelayakan sebelum mengeluarkan kenyataan tentang manfaat inovasi mereka kepada pengguna

UJAR pakar pemakanan ini, terdapat usahawan yang menjual produk tidak memiliki latar belakang tentang kesihatan atau pemakanan. Golongan itu juga biasanya menggunakan pihak ketiga untuk menghasilkan inovasi pada jenama masing-masing.

Oleh NURUL FADILA AWALUDIN

SEBELUM bergelar Pegawai Sains Pemakanan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Mohammad Asyraf Ismail, terdapat cerita di sebaliknya.

Ketika masih di bangku sekolah rendah, Mohammad Asyraf sentiasa berfikir dan tertanya-tanya mengapa setiap rakan-rakannya memiliki fizikal yang berbeza?

Mengambil tempoh masa yang agak lama untuk mendapatkan penjelasan secara saintifik, akhirnya penganjuran satu majlis berjaya memberikan beliau jawapan.

Empunya diri sendiri tidak menyangka, sebaik seorang penceramah memperincikan tentang kandungan nutrisi seseorang memberi pengaruh kepada tumbesaran, telah membuka hati lelaki itu untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan Sains Pemakanan.

"Setelah tamat belajar, saya bekerja di sebuah farmasi sekitar setahun setengah, kemudian mendapat tawaran menjadi pakar pemakanan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 2013 sehingga ke hari ini.

"Lebih tepat sebagai Pegawai Sains Pemakanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sejujurnya saya sangat sukakan kerja ini dan sentiasa akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," ujarnya yang kini sedang melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Pemakanan Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cerewet

Apabila sudah memiliki ilmu dalam bidang itu, tentu sahaja Muhammad Asyraf akan mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian.

-Tanpa berselindung, beliau pantas memberitahu tentang sikapnya yang memang cerewet dalam soal penyediaan makanan.

Bukan kerana terlalu obses sehingga mampu mendorong ke arah *orthorexia* (gangguan makan disebabkan kebimbangan terhadap khasiat dan kandungan nutrisi makanan), beliau perlu lebih peka kepada kesan jangka panjang terhadap kesihatannya.

"Sebagai individu yang berada dalam bidang ini, saya semestinya terdedah kepada informasi baharu tentang makanan, jurnal, kajian tentang baik atau buruk sesuatu makanan.

"Bukan sekadar belajar teori, bahkan saya turut melihat kesannya di depan mata ketika merawat pesakit, terutama impak gaya pemakanan lebih-lebih lagi dalam kalangan belia.

"Pada pandangan saya, mereka perlu mengubah tabiat makan dan praktikkan gaya hidup sihat daripada datang ke klinik untuk mendapatkan rawatan," terang beliau yang turut meluahkan kebimbangan terhadap kos rawatan di institusi perubatan yang semakin meningkat.

Nasihat demi nasihat tidak hanya ditujukan kepada para pesakit, malah peringatan yang sama dituju kepada pasangan hidupnya.

Ungkap Muhammad Asyraf lagi, pendekatan beliau bukan mahu menyeksa isteri waima diri sendiri, tetapi apa yang dilakukan adalah demi kebaikan bersama.

"Alhamdulillah, isteri saya boleh menerima corak pemakanan diri saya, walaupun pada awal perkahwinan kami kira-kira satu setengah tahun lalu, dia agak kekok dengan cara (pemakanan) saya.

"Secara perlahan-lahan, saya mendidik isteri agar kurangkan manisan dan elakkan perasa tambahan dalam makanan dan minuman. Di rumah, kami tidak memiliki bahan perisa. Ya, seperti yang saya katakan tadi, mula-mula memang susah, tetapi akhirnya kita akan terbiasa," kata beliau.

> "Kerajaan sekarang sudah menetapkan undang-undang agar seseorang yang hendak menyampaikan informasi kesihatan perlu memiliki lesen berdaftar di bawah KKM."

Apabila berbual bersama dengan pakar pemakanan, plot ceritanya masih menyentuh tentang bab itu.

Menceritakan tentang dietnya sehari-hari, lelaki tersebut berkata, beliau menjadikan Konsep Suku, Suku, Separuh seperti yang disyorkan oleh KKM sebagai satu prinsip yang wajib dipatuhi.

"Paling penting, kita mengetahui jumlah pengambilan makanan yang perlu diambil. Aturan (Konsep Suku, Suku, Separuh) akan memberitahu kita kuantiti pengambilan dengan betul mengikut keperluan badan.

"Pada masa sama, saya turut memperbanyakan minum air putih atau biasanya akan membawanya (air) sendiri dari rumah. Penggunaan pek minuman tiga dalam satu memang saya hindarkan kerana kandungan gula yang tinggi dan kemanisannya yang terselindung di sebalik beberapa campuran bahan lain," terangnya bersungguh-sungguh.

Jaga penampilan

Bukan sahaja seorang yang amat menitik beratkan soal makan dan minum, personaliti itu dilihat seorang individu yang kemas dan rapi.

Hal itu dibuktikan ketika beliau tampil ke Studio A, Sinar Karangkraf, Shah Alam, Selangor.

Hadir dengan menganakan celana dan *jumper*, Muhammad Asyraf kelihatan *macho*, segak dan kacak.

Sambil tertawa kecil, tuan punya badan sekali lagi mengaku dirinya memang amat teliti dalam bab kebersihan dan kerapian.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : SINAR PLUS

MUHAMMAD ASYRAF dan isteri sentiasa saling berusaha untuk mengamalkan gaya hidup dan pemakanan sihat dengan cara mengurangkan gula dan perasa dalam masakan.

"Ya, ciri-ciri itu penting dan sangat diutamakan memandangkan saya sering bertemu dengan banyak pesakit di hospital.

"Itu belum kira memenuhi jamputan ke mana-mana program untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat tidak mengira sama ada di institusi pendidikan atau organisasi kerajaan dan swasta," katanya.

Muhammad Asyraf yang sering diusik memiliki paras rupa persis penyanyi popular tanah air, Sufian Suhaimi berkata, beliau akan ke salun untuk mendandan rambut dan melakukan kemasan wajah setiap satu atau dua bulan sekali.

Apabila diusik persamaan roman mukanya seperti seorang selebriti, lelaki itu tergelak.

"Benar, ramai orang cakap macam tu, jadi saya anggap ia satu perkara biasa. Meskipun bukan seorang penyanyi atau pelakon, saya tetap perlu jaga diri agar kelihatan kemas.

"Selain ke salun, saya akan mencuci muka setiap hari dan memakai pelembap bagi memelihara kulit wajah," katanya berterus-terang.

Tidak hanya itu, beliau turut mengeluarkan peluh dengan melakukan aktiviti sukan di luar seperti berlari atau berjalan. Lokasi seperti di Taman Tasik Titiwangsa atau Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur yang menjadi opsyen utama warga ibu kota turut menjadi pilihannya.

Bersenam di gimnasium? Itu bukan pilihan Muhammad Asyraf walaupun beberapa fasiliti terdapat di rumah.

"Pun demikian, ia bergantung juga kepada keadaan cuaca atau jadual kerja saya dan isteri tidak terlalu padat. Jika ada keperluan, mengapa tidak?" ungkapnya.

Ketepatan fakta

Sudah cukup bercerita tentang soal menjaga pemakaian dan diri, penulis mengajukan soalan tentang media sosial yang pengaruhnya bukan biasa-biasa.

Seperti yang diketahui semua, bagaikan seperti ada kuasa magis yang membuatkan orang ramai begitu mudah mempercayai sesuatu perkara, meskipun tanpa sebarang bukti kukuh dan siasatan terperinci dilakukan terlebih dahulu.

Mendengarkan butir percakapan penulis, Muhamad Asyraf meminta ruang untuk memberikan pandangannya.

Selaku pakar dalam bidang pemakanan, dengan tegas beliau berkata, segala fakta yang dikemukakan mesti sahih, bukan sengaja direka-reka demi menarik perhatian warga maya secara semberono.

Dalam aspek perubatan, katanya, KKM sudah mula meletakkan garis panduan bagi menetapkan kelayakan individu yang ingin bercakap soal pemakanan atau produk berkaitan kesihatan. Tidak mengira sama ada di televisyen, radio, akhbar mahupun kandungan dalam talian, segalanya perlu mendapatkan kelayakan.

"Kerajaan sekarang sudah menetapkan undang-undang agar seseorang yang hendak menyampaikan informasi kesihatan perlu memiliki lesen berdaftar di bawah KKM.

"Apa yang saya lihat sekarang, kadangkala usahawan yang menjual produk ini tidak memiliki latar belakang tentang kesihatan atau pemakanan. Di samping itu, mereka dilihat hanya menggunakan pihak ketiga untuk menghasilkan produk. Tanpa kesahihan yang jitu, mereka dengan penuh berani mendakwa produk mereka mampu merawat penyakit.

"Kesannya, pihak hospital akan menerima pesakit yang sudah berada pada tahap kronik. Apabila ditanya, pesakit akan menjawab mereka menggunakan produk begitu, begini dan kemudian menyalahkan doktor kerana gagal memberikan perawatan yang baik," getus beliau panjang lebar.

Muhammad Asyraf tidak menolak sikap masyarakat era ini yang lebih mudah mengambil pendekatan alternatif berbanding berjumpa dengan doktor di hospital.

"Namun, tidakkah mereka terfikir impaknya jika kesihatan tiba-tiba terganggu dan semakin memburuk? Nasihat saya, adalah lebih baik kita ke klinik atau ke hospital," sarannya.

KONSEP makanan suku, suku separuh dapat membantu jumlah pengambilan makanan yang boleh diambil.

PROFIL
Nama penuh: Muhammad Asyraf Ismail
Nama kerjaya: Asyraf
Umur: 34 tahun
Asal: Johor
Tarikh lahir: 14 September 1988
Tempat lahir: Muar, Johor
Adik beradik: 4 orang

Pendidikan:
- Sekolah Kebangsaan Temenggong Ibrahim Penggaram, Batu Pahat, Johor
- Sekolah Sains Sultan Iskandar, Mersing Johor
- Kolej Matrikulasi Pahang
- Universiti Malaysia Sabah, Sarjana Muda Sains Pemakanan,
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pemakanan Kesihatan Awam

Hobi: Melancong dan mengembara
Sukan diminati: Badminton
Buku terakhir dibaca: *Cruciferous Vegetable for Cancer Prevention*
Filem terakhir ditonton: *Spiderman: No Way Home*
Idola: Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary

EKSTRA

BICARA santai bersama Muhammad Asyraf

1. Apakah nama yang sesuai untuk diberikan kepada karakter adiwira pakar pemakanan?
Nutritionist Boy

2. Apakah saranan anda kepada mereka yang ingin turunkan berat badan, tetapi enggan kawal pemakanan?
Bagi penurunan berat badan yang selamat dan berkesan haruslah mengawal dua aspek utama iaitu pemakanan dan aktiviti fizikal. Jadi harus mengawal kedua-duanya untuk mencapai penurunan berat badan yang sihat dan berkesan.

3. Antara kedesaan, bandar raya, pergunungan dan kepulauan, yang manakah menjadi lokasi tempat tinggal anda? Mengapa?
Pulau kerana suasana pantai amat menenangkan dan sesuai untuk senaman dan aktiviti fizikal yang menyeronokkan.

4. Sekiranya sekumpulan tikus comel seperti filem *Ratatouille* menghasilkan makanan, adakah anda akan pergi ke restoran itu?
Tidak! Kerana fitrahnya tikus adalah haiwan yang boleh menyebarkan penyakit berbahaya.

5. Jika diberi peluang untuk berjalan atas karpet merah bersama seorang selebriti, siapakah yang anda akan pilih?
Fazura

Terima kasih
Jurumekap REIN ZAID
Busana KOLEKSI MUHAMMAD ASYRAF

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : RENCANA

Influenza: Bahaya yang tersembunyi

INFLUENZA turut dikenali sebagai flu adalah penyakit bawaan udara melalui sistem pernafasan yang mudah berjangkit dan berupaya menjadi wabak. Setiap tahun, flu dianggarkan membunuh sehingga 650,000 penduduk dunia. Sejarah menunjukkan tahap keparahan paling teruk adalah pada 1918 hingga 1919, yang mana pandemik global influenza atau dikenali sebagai *Spanish Flu* dan membunuh sekitar 50 juta manusia dunia ketika itu.

Di Malaysia, flu belum lagi menjadi penyakit yang diwajibkan notifikasi seperti penyakit berjangkit lain denggi, taun dan malaria. Tetapi, surveilans penyakit flu telah dipertingkatkan, melalui hasil ujian-ujian positif makmal dan berdasarkan suspek kes jika flu terjadi. Surveilans penyakit meliputi dua jenis penyakit iaitu *Severe acute respiratory illness* (SARI) dan *Influenza like illness* (ILI). Infeksi akut pernafasan dikenali sebagai ILI terjadi jika demam melebihi 38 darjah Celsius, batuk, sakit badan, sakit otot, sakit sendi, sakit kepala, keletihan, selsema, hilang selera, dan sakit tekak.

Acapkali, pesakit ILI menerima rawatan pesakit luar dan tidak dimasukkan ke hospital manakala SARI adalah kriteria yang sama, tetapi lebih parah dan memerlukan kemasukan ke wad, termasuk kes menjadi lebih parah atau wujud gejala komplikasi termasuk dehidrasi, cirit-birit teruk, serta jangkitan merebak ke organ lain. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan hampir 99 peratus kematian kanak-kanak berusia kurang lima tahun di negara membangun dikibatkan jangkitan flu.

CARA JANGKITAN

Cara jangkitan utama, adalah melalui udara. Jika titisan air liur (*droplets*) ini disedut orang lain , atau terkena ke permukaan meja dan disentuh orang lain, ia juga boleh merebak melalui sentuhan langsung ini. Influenza adalah penyakit yang wujud sepanjang tahun di Malaysia, dan tidak bergantung kepada musim dingin (seperti yang berlaku di negara-negara sejuk). Waktu inkubasi jangkitan adalah sekitar 1-4 hari (purata 2 hari).

Penyakit ini boleh menyebabkan demam akut dan terbahagi kepada flu jenis A, B dan C. Jenis A dan B adalah penyebab utama wabak influenza yang berlaku ke atas manusia, manakala Avian influenza adalah flu burung, dari jenis A, yang turut berlaku secara zoonotik (jangkitan melalui haiwan) dan merebakkan virus flu burung jenis H_5N_1. Sungguhpun jarang menyerang manusia, flu burung masih berupaya meninfeksi manusia dan turut berupaya menyebab kematian. Influenza jenis B kebanyakan menyerang manusia dan tidak ke haiwan, begitu juga C yang keduanya dianggap kurang berbahaya berbanding jenis flu jenis A.

LANGKAH berjaga-jaga yang patut diikuti untuk mengelakkan Influenza adalah memakai pelitup muka, rajin membasuh tangan dan mengelakkan tempat sesak. - MINGGUAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

Influenza A dikatakan sebagai penyumbang terbesar flu manusia (hampir 75%) dibahagikan pada sub-jenis berbeza, berdasarkan kombinasi dua protein pada permukaan virus: *hemagglutinin* (H) dan *neuraminidase* (N), ia juga berupaya menyebabkan pandemik global. Influenza jenis B menyumbang ke 25% kepada kes-kes flu.

Infeksi akut pernafasan dikenali sebagai ILI terjadi jika demam melebihi 38 darjah Celsius, batuk, sakit badan, sakit otot, sakit sendi, sakit kepala, keletihan, selesema dan sakit tekak. Simptomnya boleh berubah dari ringan ke berat dan dalam orang yang rentan serta berupaya menyebabkan kematian.

GOLONGAN RENTAN

Siapakah golongan rentan ini? Mereka termasuk warga emas, ada masalah kegemukan, mempunyai penyakit kronik, pengidap kanser, menggunakan ubat supresi imun, wanita mengandung dan kanak-kanak kurang lima tahun. Mereka ini lebih mudah terjangkit jika berhadapan dengan pengidap influenza, manakala individu yang sihat, selalunya hanya akan terjejas sedikit sahaja dan menunjukkan simptom ringan atau hampir tiada gejala.

Penyakit influenza agak sukar dibezakan dengan batuk selesema biasa. Batuk selesema biasa disebabkan oleh beberapa virus seperti *rhinovirus* dan *parainfluenza*. Ia agak ringan berbanding flu dan jarang mengakibatkan komplikasi sistemik manakala flu boleh berlarutan ke beberapa minggu serta mengakibatkan komplikasi berat seperti jangkitan telinga, radang paru-paru, radang ke jantung, radang ke otak, otot dan kegagalan ginjal. Oleh itu, jangkitan serentak flu dan penyakit lain, contoh penyakit asma dan kencing manis akan mengakibatkan kesan berganda, memburukkan keadaan pesakit, malah boleh berakhir dengan kematian.

RAWATAN AWAL FLU

Rawatan awal dalam tempoh 48 jam pertama jangkitan berupaya melawan penyakit dan mengurangkan gejala, malah boleh pulih lebih awal. Terdapat rawatan berkesan bagi merawat influenza, yang mana salah satu daripada pilihan rawatan adalah menggunakan ubat anti-viral dan rawatan lain mengikut gejala dialami pesakit. Rawatan segera adalah amat penting bagi mengelakkan komplikasi penyakit berlarutan.

Ujian calitan tekak atau hidung boleh memberi keputusan sama ada pesakit mengidap flu atau tidak. Sementara menunggu hasil ujian, seseorang patut di kuarantin supaya tidak merebakkan virus ke ahli keluarga lain manakala jika ujian anda positif, anda perlu diisolasi dan jika gejala teruk, perlu dirujuk ke hospital untuk kemasukan ke wad.

